

11 APR 1998

Olimpik-Muhyiddin

MALAYSIA MINAT ANJUR SUKAN OLIMPIK SEBELUM 2020

Oleh: Zulkiflee Djasman

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Malaysia mungkin menawarkan diri menganjurkan Sukan Olimpik sebelum tahun 2020 jika berjaya menganjurkan Sukan Komanwel ke-16 September ini dengan cemerlang, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata Malaysia juga berminat menganjurkan Sukan Asia tahun 2006. Tan Sri Muhyiddin berkata adalah tidak mustahil bagi Malaysia menganjurkan sukan terbesar dunia itu jika kita telah membuktikan kemampuan menjadi tuan rumah beberapa acara besar peringkat dunia termasuk Sukan Komanwel September ini.

"Kita akan buktikan kepada Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) bahawa kita boleh menjadi tuan rumah bagi sukan terbesar seperti Sukan Komanwel dengan harapan mereka percaya kepada kebolehan kita menganjurkan Sukan Olimpik sebelum 2020 nanti," kata Muhyiddin kepada pemberita selepas melancarkan laman web dan talian terus penjualan tiket Sukan Komanwel di sini, hari ini.

Muhyiddin berkata Sukan Komanwel ke-16 dan Sukan Asia 2006 merupakan satu proses meningkatkan kemahiran dan kepakaran kita menganjurkan Sukan Olimpik yang lebih besar dan mencabar.

"Berdasarkan pengalaman yang kita kutip sewaktu menganjurkan kedua-dua sukan tersebut, saya yakin kita akan cukup bersedia menjadi tuan rumah Sukan Olimpik sebelum 2020 walaupun ketika itu generasi baru sudah mengambil alih tugas kita," kata beliau.

Sebelum itu ketika melancarkan laman web syarikat Ticket Express Sdn Bhd, Muhyiddin berkata kerajaan sudah meluluskan harga tiket Sukan Komanwel September ini yang akan dijual pada harga berpatutan.

"Mulai saat ini promosi lebih agresif perlu dibuat bagi memastikan 1.28 juta tiket dijual sebelum sukan itu berlangsung dan rakyat perlu tampil menyaksikan kehebatan sukan ini secara langsung di gelanggang-gelanggang pilihan mereka," kata beliau.

Setakat ini hanya 40,932 tiket bernilai RM4.198 juta telah dijual dengan acara akuatik menjadi pilihan utama apabila 12,991 tiket bernilai RM1.58 juta telah ditempah. Ini diikuti acara pembukaan yang menerima tempahan 5,560 tiket bernilai RM1.49 juta.

Muhyiddin mahu urusan jualan tiket dipermudah supaya lebih ramai rakyat dapat membelinya melalui pelbagai saluran yang disediakan.

Terdahulu, syarikat Ticket Express Sdn Bhd yang menguruskan penjualan tiket Sukan Komanwel mengumumkan perlantikan tiga vendor penjual tiket menggunakan internet -- Fascard Sdn Bhd, KUB Sistem Sdn Bhd dan Gergasi Merah Sdn Bhd.

Pengerusi Eksekutif Ticket Express Sdn Bhd Datuk Sri Ram Sarma berkata perlantikan vendor akan membantu mempermudah penjualan tiket kerana mereka mempunyai rangkaian pejabat di seluruh negara meliputi pejabat pos, kedai telekom, Bank Bumiputra, stadium dan van bergerak.

"Orang ramai boleh membeli tiket secara tunai, menggunakan kad kredit atau membuat tempahan melalui Internet dengan bantuan vendor yang dilantik," kata Sri Ram.

Ticket Express Sdn Bhd telah menyediakan satu cara mudah membeli tiket melalui Internet dengan pembeli mematuhi segala arahan yang terdapat di laman web yang dilancarkan hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi pembeli tiket pertama melalui laman web yang dilancarkan ini.

Perdana Menteri menasihatkan peminat Sukan Komanwel supaya membuat tempahan awal bagi mengelakkan kesesakan atau kehabisan tiket pada saat akhir. -- BERNAMA

ZJ ZB